

Malaysia mampu jadi hab alatan perubatan

RH - 2/10/2006

Negara miliki kelebihan walaupun hadapi banyak saingan

Oleh Nor Liza Ahmad

MALAYSIA mampu menjadi hab bagi pengeluaran peralatan perubatan serantau berdasarkan kemajuan penggunaan teknologi dan kedudukan strategiknya.

Pengerusi Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI), Lim Bee Leong, berkata Malaysia kini sudah pun muncul sebagai pengeluar dan pengeksport terbesar peralatan seperti kateter (tiub kencing), sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan, kondom, jarum, peralatan serta instrumen perubatan dan pembedahan.

Beliau berkata, walaupun berdepan saingan sengit daripada India, China dan Singapura, Malaysia mempunyai banyak kelebihan terutama dalam menarik pelaburan bagi pengeluaran peralatan perubatan berdasarkan keupayaannya dalam menghasilkan peralatan perubatan berasaskan getah dan mempunyai sokongan baik dalam bidang elektronik.

Ketika ini, katanya, sudah ada beberapa pengeluar peralatan perubatan antarabangsa yang menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran mereka di rantau ini.

"Industri ini penting khususnya

dalam menarik kemasukan pelaburan asing.

"Prospek industri peralatan perubatan di Malaysia dijangkakan berkembang sembilan peratus setahun dalam tempoh pelan Induk Perindustrian ketiga (IMP-3)," katanya kepada *Berita Harian* di Subang Jaya, baru-baru ini.

Tahun lalu industri itu menyumbang pendapatan kira-kira RM3.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak lapan peratus.

Lim berkata, AMMI yang mula ditubuhkan pada 1989, kini mempunyai 26 ahli merangkumi syarikat multinasional dan tempatan yang terlibat dalam pengeluaran peralatan, kelengkapan dan perkhidmatan perubatan.

Antara syarikat yang menganggotai AMMI ialah DuPont Malaysia Sdn Bhd, Johnson & Johnson Medical Malaysia, Top Glove Sdn Bhd, B Braun Industries Sdn Bhd dan Bemis Asia Pacific Sdn Bhd.

Penubuhan persatuan itu bertujuan menggalakkan amalan piawaian tinggi di kalangan pengeluar industri perkakasan perubatan di Malaysia dalam mematuhi piawaian antarabangsa.

Sepanjang penubuhannya, AMMI

bekerjasama rapat dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) dan agensi kerajaan lain bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang ramai mengenai peranan industri dalam menarik kemasukan pelaburan asing serta sumbangannya kepada ekonomi negara.

Ketika ini Malaysia mempunyai kira-kira 159 pengeluar peralatan perubatan dengan 105 daripada terbabit dalam pengeluaran sarung tangan untuk pemeriksaan dan pembedahan, 10 pengeluar katerer dan 44 syarikat perkakasan, kelengkapan dan instrumen perubatan lain.

Lim menjelaskan, AMMI akan memainkan peranan penting dalam menyediakan platform penting kepada ahlinya untuk memanfaatkan pelbagai projek berkaitan kesihatan sekali gus berkembang dalam industri itu.

Mengikut laporan IMP3, 145 projek membabitkan industri berkenaan diluluskan dengan nilai pelaburan RM3.6 bilion yang mana RM2.3 bilion membabitkan pelaburan asing dan RM1.3 bilion pelaburan domestik.

Industri perkakasan perubatan juga dijangka mendapat manfaat daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerana kerajaan memberi keutamaan kepada industri kesihatan dengan peruntukan RM10.28 bilion.